

07 APR 1997

Mahathir-Bahrain

DR MAHATHIR DI BAHRAIN UNTUK LAWATAN TIGA HARI

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA (Bahrain), 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Perdana Menteri diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan rombongan seramai 50 orang mengandungi Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar dan Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Ketibaan beliau di lapangan terbang antarabangsa disambut oleh Perdana Menteri Bahrain Khalifa Salman Al-Khalifa.

Selepas upacara sambutan rasmi, Dr Mahathir menghadap Amir Bahrain Sheikh Isa Salman Al-Khalifa di Istana Refa.

Beliau dijadual mengadakan perbincangan dengan Khalifa Salman malam ini.

Esok, Dr Mahathir dijadual berucap pada Forum Ekonomi Teluk yang akan membincangkan isu-isu membabitkan Majlis Kerjasama Teluk seperti reformasi, pasaran modal dan usaha mempelbagai kegiatan ekonominya yang terlalu bergantung kepada minyak.

Majlis itu yang merangkumi Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi Arabia dan Emeriyah Arab Bersatu membekalkan 18 peratus daripada minyak mentah dunia. Dua pertiga daripada pendapatan negara-negara ini adalah daripada eksport minyak.

Dr Mahathir, yang pernah melawat Bahrain pada 1982, juga dijadual menemui usahawan tempatan.

Dari sini, Perdana Menteri akan berlepas ke Islamabad, Pakistan untuk lawatan sehari. -- BERNAMA

ARA MAI